

28/06/2000

Saya tidak dihormati: Marina

KUALA LUMPUR, Selasa - Bekas Naib Presiden Parti Keadilan Nasional (Keadilan), Marina Yusof, hari ini mengakui berselisih pendapat dalam banyak hal dengan Timbalan Presiden parti itu, Dr Chandra Muzafar, sejak awal penubuhannya.

Katanya, sejak berada di dalam parti itu, beliau berasa tidak dihormati apabila setiap isu dan pendapat yang dikemukakan, dibangkang sepenuhnya oleh Dr Chandra.

"Dr Chandra langsung tidak mahu menerima pandangan orang lain. Malah, Presiden parti, Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail, juga pernah dimaki hamunnya.

"Ini membuatkan saya berasa seperti membuang masa saja apabila berhadapan dengan Dr Chandra dan dia tidak hormat kepada saya.

"Ketika saya dalam Umno, beberapa pandangan yang dikemukakan masih diterima oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ... ini bermakna Dr Mahathir hormat kepada saya," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Marina mengulas kenyataannya kepada agensi berita Associated Press (AP) sebelum ini bahawa perpecahan di dalam Keadilan sangat teruk dan pembabitannya di dalam parti itu sebagai membuang masa.

Beliau berkata, perjuangan di dalam Keadilan adalah berasaskan kepada kebaikan, tetapi beliau tidak dapat lagi bersama parti itu selepas menyedari wujud perselisihan pendapat dengan Dr Chandra yang disifatkan memerintah secara kuku besi.

"Jika di dalam parti asyik kutuk mengutuk sesama sendiri, apa gunanya lagi ... malah ia berlaku tidak mengira masa, di dalam parti mengutuk ... di luar parti pun mengutuk juga," katanya.

Marina berpendapat, pembubaran beberapa bahagian parti Keadilan ada kaitan dengan pergolakan pucuk pimpinan parti itu.

Sementara itu, Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Tun Razak, berkata perpecahan dan pergeseran pemimpin Keadilan berlaku kerana parti itu tiada dasar perjuangan yang jelas.

Selain itu, katanya, sebagai sebuah parti yang ditubuhkan secara mengejut, Keadilan juga tidak mempunyai tradisi dan konvensyen amalan dalam parti, sekali gus menimbulkan masalah kepada parti.

"Nampaknya pimpinan Keadilan berada dalam keadaan tidak stabil dan tidak menentu pada masa ini.

"Pergeseran itu disebabkan Keadilan tidak mempunyai dasar perjuangan yang jelas dan sebagai parti yang diwujudkan secara mengejut, ia tidak ada tradisi dan konvensyen amalan dalam parti," katanya.

Najib bercakap selepas menyampaikan anugerah kecemerlangan akademik Angkatan Tentera Malaysia (ATM) di Kementerian Pertahanan, di sini hari ini.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Abu Hassan Omar, pula berkata beliau tidak terkejut dengan kenyataan Marina itu, sebaliknya berpendapat bekas Naib Presiden Keadilan itu seharusnya meneliti dasar perjuangan parti berkenaan terlebih dahulu sebelum menyertainya.

"Selepas bermati-matian dalam Keadilan, barulah dia (Marina) sedar tindakannya itu hanya membuang masa. Sepatutnya, fikirkan dahulu sebelum membuat sebarang tindakan," katanya selepas merasmikan Pusat Sumber Teknologi Maklumat (IT) di Dewan Serbaguna Taman Dato Harun, Petaling Jaya, hari ini.

( END )